

Punca sebenar umat Islam ketinggalan

UM 18 APR 2001

KUALA LUMPUR 17 April -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sikap terlalu mementingkan ilmu agama untuk hekalan akhirat adalah punca sebenar umat Islam masih jauh ketinggalan berbanding bangsa-bangsa yang lain.

Perdana Menteri berkata, sejak kecil lagi, umat Islam sudah tidak digalakkan menuntut ilmu-ilmu yang bukan berbentuk keagamaan kerana ilmu seperti itu dianggap sebagai sekular.

"Malahan ibu bapa mendesak anak-anak mereka menuntut ilmu agama kerana mereka juga akan mendapat ganjarannya," katanya ketika berucap merasmikan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak dekat sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, Setiausaha Agung Pertubuhan Persekitaran Islam (OIC), Abdelouahed Belkeziz dan menteri-menteri kabinet.

Majlis perasmian itu berjalan lancar tanpa sebarang gangguan atau insiden yang

tidak diinginkan walaupun ada **ura-ura** tersebar yang menyatakan ada kumpulan yang akan membantah majlis itu.

Dr. Mahathir mendedahkan, di Malaysia, terdapat golongan profesional yang telah melahirkan rasa kesal mereka kerana memilih satu bidang kerjaya sedangkan mereka sepatutnya menuntut ilmu agama.

Beliau berkata, untuk menebus apa yang mereka anggap sebagai dosa itu, mereka telah menghantar semua anak mereka ke sekolah agama atau untuk menjadi hafiz iaitu orang yang menghafal al-Quran.

Katanya, ramai umat Islam yang belajar dalam pelbagai bidang ilmu seperti sains dan kejuruteraan tetapi dalam masa yang sama, ramai juga yang enggan mempelajari bidang ilmu seperti itu, walaupun mereka bijak, atas alasan adalah sekular.

Lebih memburukkan lagi keadaan, katanya, mereka yang menuntut dalam bidang ilmu bukan agama telah diganggu oleh golongan yang mahu mereka beralih ke bidang yang lebih berbentuk keagamaan.

Golongan tersebut juga, kata Dr. Mahathir, telah mendesak mereka yang belajar itu menyertai aktiviti mereka walaupun ia tiada kaitan langsung dengan apa yang mereka pelajari.

"Sesetengahnya pula dipujuk mengamhil bahagian dalam kegiatan yang dikatakan demi kepentingan agama," katanya.

Menentang

Dr. Mahathir berkata, bagi mewajarkan tindakan mereka itu, golongan yang menentang ilmu bukan agama ini sering menuduh kerajaan menggalakkan pendidikan bukan agama.

Katanya, semua mata pelajaran yang diajar dilabel sebagai sekular dan tidak sesuai bagi umat Islam mempelajarinya.

Beliau berkata, umat Islam juga sering dikelirukan dengan sekularisme yang disifatkan sebagai apa sahaja perkara yang tidak berkaitan dengan amalan dalam Islam, undang-undang Islam dan teologi Islam.

Dr. Mahathir berkata, akibat daripada keadaan

itu, negara-negara Islam kekurangan saintis dan teknokrat serta pekerja berpengetahuan yang diperlukan dalam dunia hari ini.

"Inilah puncanya terlalu sedikit orang Islam di negara Islam berupaya membangunkan negara mereka setaraf dengan negara-negara maju," katanya.

Katanya, keadaan itu perlu diperbetulkan kerana Islam bukan semata-mata satu kepercayaan untuk dihayati tetapi ia merupakan satu cara hidup.

"Islam sepatutnya berkaitan dengan semua yang dilakukan dalam kehidupan seharian, sama ada sebagai seorang individu atau sebagai anggota masyarakat," katanya.

Beliau berkata, mempelajari sains pertanian adalah satu tanggungjawab kepada umat Islam dan tidak boleh dikatakan tidak berkaitan dengan Islam dan orang Islam.

"Begitu juga dengan bidang sains yang lain yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan orang Islam dan membebaskan mereka dari ditekan oleh musuh mereka," katanya.